

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN

BILANGAN 2 TAHUN 2020

PENGGUNAAN TANAH KERAJAAN (RIZAB JALAN) DAN PENGGUNAAN TANAH KATEGORI PERTANIAN UNTUK PEJABAT LAPANGAN SEMENTARA OLEH SYARIKAT CHINA COMMUNICATIONS CONSTRUCTION (ECRL) SDN. BHD. BAGI PROJEK LALUAN REL PANTAI TIMUR (ECRL) DI BAWAH SEKSYEN 115 (4) (g) KANUN TANAH NEGARA 1965

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan Pentadbir-Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 26/2019 yang bersidang pada 01/01/2020 semasa menimbangkan permohonan oleh Pentadbir Tanah Pasir Puteh telah membuat keputusan sebagaimana berikut :

1. Penggunaan Tanah Kerajaan (Rizab Jalan)

1.1 Penggunaan Tanah Kerajaan (Rizab Jalan) dibenarkan tertakluk kepada bayaran yang ditetapkan di bawah Pekeliling PTG Bilangan 05 / 2018 berhubung dengan bayaran penggunaan tanah Kerajaan yang digunakan di dalam sesuatu projek. Pengiraannya adalah sebagaimana berikut :

Nilai semasa x Luas Tanah Kerajaan x 75%

RM45.00 x 1,758 m² x 75% = RM 59, 332.00

1.2 Kebenaran ini adalah untuk maksud akses sahaja kepada tapak Pejabat Lapangan sahaja dan tidak boleh menghalang penggunaanya kepada orang ramai dan pemilik-pemilik tanah yang berdekatan.

1.3 Tempoh kebenaran adalah selama empat (4) tahun sahaja bermula daripada tarikh kelulusan diberikan.

2. Penggunaan Tanah Milik Kategori Pertanian

2.1 Penggunaan tanah milik untuk tujuan Tapak Lapangan Sementara adalah dibenarkan penggunaannya di bawah Seksyen 115 (4) (g) Kanun Tanah Negara 1965 untuk maksud industri tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(a) Tempoh kebenaran adalah selama empat (4) tahun sahaja bermula daripada tarikh kelulusan diberikan.

(b) Cukai tanah dikenakan berasaskan kepada kadar industri di bawah Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan (Pindaan) 2016.

Contoh Pengiraan bagi tanah milik persendirian di Mukim Kandis, Daerah Gong Datok, Jajahan Pasir Puteh adalah sebagaimana Jadual berikut :

Bil	No. Hak Milik	No Lot	Luas (m ²)	Cukai Pertanian (setahun)	Cukai Industri (setahun)
1	GM 710	1098	7009	RM 20.00	RM 4, 906.30
2	GM 713	1301	3420	RM 10.00	RM 2, 394.00
3	GM 712	1300	3460	RM 10.00	RM 2, 422.00
4	GM 711	1100	6989	RM 18.00	RM 4,892. 30
5	GM 725	1329	15338	RM 40.00	RM10,736.60
	JUMLAH			RM 98.00	RM25,351.20

(Cukai Tanah bagi kategori pertanian dan industri berat)

(c) Bayaran bagi kebenaran penggunaan tanah pertanian selain daripada maksud asalnya adalah berdasarkan kepada kiraan 20% daripada bayaran premium ubah syarat di bawah Pekeliling PTG Bilangan 09/2019 sebagaimana Jadual berikut :

Bil	No. Hak Milik	No Lot	Luas(m ²)	Premium Tambahan(a)	Bayaran (20% x a)
1	GM 710	1098	7009	RM 113,195.35	RM 22,640.00
2	GM 713	1301	3420	RM 55,233.00	RM 11,047.00
3	GM 712	1300	3460	RM 55,879.00	RM 11,176.00
4	GM 711	1100	6989	RM 112,872.35	RM 22,571.00
5	GM 725	1329	15338	RM 247,708.70	RM 49,542.00
	JUMLAH			RM 584,888.40	RM 116,976.00

(Premium Ubah Syarat Daripada Pertanian kepada Syarat Industri Berat)

2.2 Pematuhan Kepada Kelulusan Kebenaran Merancang Di Bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

2.2.1 Segala pembangunan yang akan dijalankan adalah tertakluk kepada kelulusan kebenaran merancang daripada Pihak Berkuasa Tempatan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

3. Oleh yang demikian, semua Pentadbir Tanah hendaklah mengambil maklum akan keputusan Pihak Berkuasa Negeri dan keputusan ini hendaklah dijadikan panduan untuk permohonan seumpama ini pada masa akan datang.



.....
DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K.(Kelantan),K.M.N.
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

KEPADA:

Yang Amat Berbahagia Dato' / Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan.
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU KELANTAN.

NO FAIL : PTG.KN.17/3/11 Jld 5(PTPP:84/2/2)

BERTARIKH : 17 FEBRUARI 2020

23 JAMADIL AKHIR 1441H.